

Kerja Lapangan dan Interpretasi

My textbook *Small Places – Large Issues* was being translated into Malay by Professor Mohamed Yusoff Ismail at the Dept. of Anthropology and Sociology, Universiti Kebangsaan Malaysia – unfortunately, the work was not completed, and Yusoff passed away in 2014. This is the second chapter, "Fieldwork and Interpretation" in English. The first chapter is also available on this website.

Teori tanpa data ialah usaha sia-sia, data tanpa teori ialah usaha buta.

-- C. Wright Mills

Kerja Lapangan

Antropologi dibezakan daripada sains sosial lain melalui penekanan kepada kerja lapangan sebagai sumber terpenting untuk mendapatkan maklumat baru tentang masyarakat dan budaya. Kerja lapangan boleh berlangsung untuk jangka waktu dari beberapa bulan hingga dua tahun atau lebih. Tujuannya ialah untuk membolehkan penyelidik memahami fenomena yang dikaji itu dengan sedalam mungkin. Walaupun metod yang berlainan digunakan dalam melakukan kerja lapangan bergantung kepada

aliran dalam antropologi, tetapi pada umumnya terdapat persetujuan bahawa antropologis sepatutnya tinggal di lapangan untuk satu tempoh masa yang cukup panjang. Tujuannya ialah bagi membolehkan kehadirannya itu dirasakan tidak mengganggu perjalanan hidup seharian penduduk yang dikaji. Biar pun demikian halnya, antropologis masih tetap dianggap sebagai orang luar oleh masyarakat tuan rumah dari beberapa segi.

Kebanyakan antropologis, sama ada mereka sedar atau tidak, akan kelihatan seolah-olah seperti seorang yang agak kelakar dalam perlakuannya semasa berada di lapangan. Betapa tidaknya; pertuturan mereka penuh dengan tatabahasa yang salah; perkara yang ditanya oleh mereka kadangkala di luar dugaan; cara bertanya pula kadang-kadang kurang halus; dan mereka seringkali melanggar peraturan kerana kurang tertib melakukan sesuatu perkara. Sebenarnya perlakuan tersebut, walaupun tidak disengajakan, mempunyai banyak hikmat, terutama sekali sewaktu kita mula-mula sekali melakukan kerja lapangan. Dengan memerhatikan bagaimana orang tempatan memberikan reaksi terhadap perlakuan kita yang kurang senonoh itu, kita memperolehi petunjuk awal tentang cara mereka berfikir.

Sebenarnya kita semua tidak boleh lari daripada menjadi seorang yang kelakar dalam persekitaran baru; terdapat terlalu banyak peraturan dan tatacara berkelakuan sehinggakan kita seringkali melanggarnya. Usaha kita untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan sosial dalam masyarakat asing sememangnya penuh dengan detik-detik yang melucukan. Di Britain, misalnya, orang tidak mengenakan sarung kaki putih jika memakai sut berwarna

gelap, kerana berbuat demikian dianggap kurang halus dari segi budaya. Namun demikian ada orang yang masih berbuat demikian kerana sebenarnya mereka kurang faham dengan tatacara berpakaian orang Inggeris.

Keadaan sebaliknya, yang lagi merumitkan, ialah apabila antropologis yang berada di lapangan itu dianggap sebagai seorang bijak pandai dalam banyak hal, serta mempunyai status tinggi. Banyak antropologis dilayan dengan penuh hormat, baik dari segi pertuturan, perlakuan dan sebagainya, oleh anggota masyarakat tuan rumah, seolah-olah mereka setaraf dengan orang luar berpangkat tinggi atau dari golongan bangsawan. Keadaan seperti ini boleh menutup mata antropologis daripada melihat semua aspek masyarakat yang dikaji kerana sesetengah perkara mungkin tidak ditunjukkan kepada penyelidik jika tuan rumah mempunyai perasaan terlalu hormat terhadap antropologis serta malu untuk mendedahkan perkara itu kepadanya.

Sewaktu berada di lapangan antropologis tidak dapat mengelakkan diri daripada menjadi sama ada separuh badut atau separuh bijak pandai, atau kedua-duanya sekali -- bijak dalam satu perkara, tetapi bodoh dalam perkara lain. Biar apapun watak yang dipilih oleh antropologis, kerja lapangan bukanlah perkara yang boleh dianggap mudah; kehadiran di lapangan memerlukan kekuatan diri dari segi profesional dan mental. Kebiasaannya kita sering disajikan dengan hasil terakhir kerja lapangan dalam bentuk penulisan etnografis yang sangat kemas, sistematis dan penyampaian dalam bahasa yang begitu teratur. Tetapi di sebalik

semua ini ialah pengalaman pahit di lapangan yang pernah dilalui oleh pengkaji untuk tempoh berlarutan, kadang-kadang penuh dengan kebosanan, kekecewaan peribadi, kesengaraan kerana dijangkiti penyakit, dan berbagai-bagai lagi masalah. Jarang sekali terdapat antropologis yang mengaku bahawa kerja lapangan mereka itu adalah satu pengalaman yang menyeronokkan, penuh dengan penemuan yang menggembirakan. Dalam persekitaran baru, pada mulanya kebolehan kita sangat terhad untuk menguasai bahasa dan pertuturan tempatan serta cara berkelakuan yang sopan; justeru itu kita akan merasa begitu kecewa kerana tidak dapat melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam kebanyakan kegiatan sosial dan budaya mereka. Selain itu, kita juga sering dibayangi oleh sikap curiga, dan mungkin juga sikap bermusuhan, daripada masyarakat tuan rumah. Tubuh badan kita, yang sudah biasa dengan hidup senang di tempat sendiri, mungkin tidak terdaya menghadapi keadaan cuaca yang berlainan, makanan yang pelik, serta tahap dan mutu kebersihan yang mencurigakan di tempat baru. Akhir sekali, bagi mereka yang datangnya daripada latarbelakang kelas menengah 'Barat' (yang biasanya benar bagi kebanyakan antropologis), kerja lapangan mungkin terlalu 'berat' bagi individu yang mementingkan konsep *privacy* kerana dalam hampir semua persekitaran sosial masyarakat tradisional seseorang itu tidak pernah dibiarkan bersendirian. Pada tanggapan masyarakat bukan-Barat, berseorangan itu adalah satu keadaan yang sangat-sangat menyedihkan; justeru itu konsep *privacy* tidak wujud, dan seseorang itu akan sentiasa diekori oleh orang lain sebagai teman

sepanjang masa, walaupun mereka tidak diundang. Masalah seperti ini sudah tentulah tidak dihadapi oleh sebilangan antropologis yang semakin ramai menjalankan kerja lapangan di bandar-bandar moden.

Kaedah Lapangan

Satu prinsip asas dalam kerja lapangan ialah kesanggupan untuk menjalani cara hidup tempatan dengan seberapa meluas dan mendalam yang mungkin. Selain daripada itu, antropologis juga menggunakan beberapa teknik formal yang lazim dipakai bagi mengutip data (lihat misalnya, Pelto dan Pelto 1970; Ellen 1984). Bergantung kepada jenis kerja lapangan yang dilakukan, kadangkala juga kita perlu menggunakan temubual berjadual, persampelan statistik dan teknik-teknik lain. Kebanyakan antropologis menggunakan gabungan teknik formal dan pemerhatian ikutserta secara spontan dalam melakukan kerja lapangan.

Pemerhatian ikutserta merujuk kepada metod tidak formal yang menjadi asas kepada kebanyakan kerja lapangan, sungguhpun digunakan juga teknik-teknik sampingan yang lain. Tujuan kaedah pemerhatian ikutserta ialah menjerumuskan diri dengan sepenuhnya ke dalam persekitaran sosial dan budaya tempatan. Kehadiran kita itu bolehlah dianggap seolah-olah seperti berada di antara dua masyarakat – masyarakat sendiri dan masyarakat tempatan yang dikaji. Mereka yang berada dalam keadaan ini disifatkan oleh Evans-Pritchard (1983 [1937], h. 243) sebagai

manusia yang bersifat *doubly marginal* – dalam erti kata ‘dalam masyarakat sendiripun tidak, dalam masyarakat lainpun tidak’ Sewaktu melakukan pemerhatian ikutserta, seboleh-bolehnya kita cuba menjalani cara hidup yang baru itu tanpa banyak sangat mengganggu masyarakat setempat, supaya mereka dapat menjalani hidup seharian seperti biasa dengan bebas. Sehubungan dengan itu, timbul persoalan berkenaan dengan isu sama ada pemerhatian hendaklah dilakukan secara terbuka atau secara gelap. Masalah ini menjadi perbincangan hangat di kalangan komuniti antropologis, tetapi pada umumnya terdapat persetujuan bahawa agak kurang beretika jika kita tidak memberitahu masyarakat tuan rumah tujuan sebenar kita berada di kalangan mereka. Sebenarnya masyarakat yang dikaji itu mempunyai hak mutlak hak untuk membantah kehadiran kita serta menghalang kita daripada menjadikan mereka bahan analisis antropologi. Tetapi bagi kes penyelidikan yang dilakukan secara gelap, mereka tidak mempunyai sebarang pilihan, kerana mereka tidak tahupun bahawa mereka sedang diperhatikan.

Terdapat pelbagai cara untuk melakukan kerja lapangan, dan pada dasarnya tidak ada satupun formula yang jelas berkenaan perkara ini. Alat terpenting dalam menjalankan kerja lapangan, tidak lain dan tidak bukan, ialah penyelidik itu sendiri; dialah ‘alat saintifik’ yang sebenarnya. Terpulang kepada setiap orang antropologis untuk menggunakan kebolehan dan kebijaksanaannya, dari segi watak dan personaliti, untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Satu lagi perkara yang menyebabkan terdapat variasi dalam menjalankan kerja lapangan

ialah persekitaran berlainan dan tajuk berbeza-beza yang dikaji oleh antropologis. Metod yang dipilih itu mestilah sesuai dengan keadaan dan persekitaran subjek yang dikaji, tetapi agak sukar sekali untuk menyatakan dengan tepat metod yang manakah yang terbaik. Evans-Pritchard pernah mengimbas kembali bagaimana beliau mula-mula belajar tentang kerja lapangan dalam awal 1920an (1983 [1937]: 239-54). Beliau telah bertanya kepada beberapa antropologis yang terkenal pada masa itu, dan jawapan yang diterimanya sungguh aneh. Mula-mula beliau bertanya kepada Westermarck, seorang etnologis dari Finland; jawapan yang diberikan, 'Jangan kamu bercakap dengan informan kamu lebih dari dua puluh minit, sebab lebih dari waktu itu kamu tentulah akan naik bosan, ataupun sebaliknya, kamu pasti telah membosankan informan kamu.' Komen Evans-Pritchard pula: 'Satu nasihat yang baik walaupun agak kurang lengkap.' Nasihat Alfred Haddon pula, 'Sebenarnya bukan susah sangat; seseorang itu hendaklah sentiasa berkelakuan seperti seorang *gentleman*'. Guru kepada Evans-Pritchard, Charles Seligman, pula memberitahunya, 'Setiap malam kamu mesti telan sepuluh gram ubat kuinin dan jangan sekali-kali kamu mendekati orang perempuan.' Akhir sekali ialah jawapan daripada Malinowski sendiri yang memberitahunya, 'Cubalah elakkan diri daripada menjadi seorang bahlul'. Evans-Pritchard sendiri telah membuat pengakuan bahawa dalam kerja lapangan, mengumpul maklumat semata-mata tidak membawa apa-apa faedah; dalam perkataan lain, 'seorang antropologis mesti tahu dengan jelas apa perkara yang sebenarnya dia ingin tahu', dan selepas itu barulah dia

membentuk metodologi yang sesuai dengan menggunakan apa-apa teknik yang ada. Sesungguhnya – alahai – tidak ada satupun resipi khusus untuk melakukan kerja lapangan. Metodenya yang sebenar terletak pada diri antropologis itu sendiri, dialah ‘alat saintifik’ yang sangat penting.

Kebanyakan pemerihaln antropologis tentang tatacara melakukan penyelidikan, terutama sekali kerja lapangan, mungkin tidak menggambarkan keadaan yang sebenar, tetapi pemerihaln itu telah diolah ke dalam bentuk yang sangat meyakinkan. Secara umum, ungkapan ‘pemerhatian ikutserta’, sebagai satu teknik kajian, begitu kabur definisinya. Istilah ini mungkin berguna sebagai satu istilah umum yang mampu menutup segala kelemahan, baik dari segi etika mahupun metodologi, yang timbul semasa melakukan penyelidikan sebenar di lapangan. Salah satu daripada masalah tersebut mungkin dapat dikaitkan dengan tabiat antropologis yang bersikap tidak begitu senang dengan orang yang mereka kaji. Apabila buku catatan harian peribadi Malinowski diterbitkan dalam tahun 1967, apa yang tertulis dalam buku tersebut telah mencetuskan perbahasan yang hangat dan berpanjangan. Rupa-rupanya Malinowski, yang selama ini disanjung tinggi sebagai etnografis yang terkemuka, bukanlah seorang penyelidik yang suka sangat kepada masyarakat tuan rumah di Kepulauan Trobriand, tempat kajiannya. Tujuan penyelidikan beliau ialah memahami masyarakat yang dikajinya dalam peristilahan mereka sendiri, tetapi beliau memandang mereka dengan rendah sebagai manusia kotor yang tidak tahu menjaga kebersihan diri. Seringkali juga

beliau melaporkan betapa berat sekali beliau melangkah kaki untuk meninggalkan pondoknya setiap pagi untuk melakukan kerja lapangan. Satu persoalan penting yang dicetuskan oleh pendedahan tersebut ialah, bolehkan kita melakukan kerja lapangan yang baik di kalangan masyarakat yang kita sendiri tidak menghormati orangnya. Jawapannya ialah sudah tentu boleh; iaitu selagi kita tidak mencabuli tuan rumah secara fizikal sewaktu di lapangan. Sebenarnya tidak adapun sebarang peraturan yang mengatakan bahawa kita tidak boleh melakukan kerja lapangan yang baik di kalangan manusia yang kita sendiri pandang rendah. Justeru itu, penilaian mutlak ke atas mana-mana kerja lapangan bergantung kepada setakat mana bermutunya data empiris yang kita kutip, bukan kepada jaringan persahabatan yang terbentuk sewaktu di lapangan.

Kelemahan yang biasa berlaku dalam kerja lapangan terdiri daripada keupayaan yang terhad untuk memahami bahasa tempatan, kecenderungan untuk lebih memihak kepada sesuatu kumpulan jantina (*gender bias*, lihat Bab 8), atau kemungkinan informan utama antropologis bukan individu yang benar-benar mewakili masyarakat tempatan secara keseluruhan. Berkenaan dengan masalah ini, agak benar jika dikatakan bahawa antropologis mempunyai kecenderungan untuk memberikan perhatian kepada golongan elit dalam sesuatu komuniti; seringkali pula pemimpin masyarakat, guru sekolah dan individu menjadi informan yang sangat bernilai kepada antropologis. Mereka sebenarnya bukanlah individu yang boleh mewakili sebahagian besar daripada penduduk tempatan secara umumnya. Gerald

Berreman (1962) pernah membuat pengakuan terhadap pengalaman beliau secara peribadi sewaktu melakukan kerja lapangan di India Utara. Beliau telah menggunakan seorang jurubahasa untuk memungut data, tetapi beliau mendapati bahawa data yang dikutip itu kurang memuaskan kerana beberapa kecelaruan dan percanggahan. Selepas beberapa lama Berreman mulai sedar bahawa punca kepada masalah itu ialah jurubahasanya sendiri. Sebenarnya jurubahasanya tidak berbohong atau melakukan penterjemahan yang kurang tepat, tetapi puncanya ialah kerana jurubahasanya itu daripada kasta berlainan. Ternyata bahawa anggota masyarakat yang ditemubual itu tidak bercakap dengan terbuka apabila jurubahasanya ada bersama, tetapi sikap mereka berlainan sekali jika berada dengan Berreman seorang sahaja. Barulah Berreman sedar bahawa penduduk tempatan tidak memberikan layanan yang lebih terbuka di hadapan orang daripada kasta lain.

Kerja lapangan tidak semestinya melibatkan perbelanjaan besar atau penggunaan pembantu penyelidik yang ramai: sebagai satu proses penyelidikan, kerja lapangan memakan belanja yang kecil, kerana modal utamanya, seperti yang dinyatakan di atas, ialah antropologis itu sendiri sebagai 'alat saintifiknya'; mungkin juga diperlukan beberapa orang pembantu. Namun demikian, perkara yang mesti ditekankan di sini ialah kerja lapangan memakan masa yang lama. Ciri inilah yang menjadikan kerja lapangan satu kaedah saintifik yang berlainan sekali jika dibandingkan dengan disiplin lain. Sebaik-baiknya penyelidik tinggal di lapangan untuk satu tempoh yang cukup panjang sehingga membolehkan dia

memahami bagaimana cara orang tempatan melihat dunia melalui kaca mata mereka sendiri. Kadangkala usaha tersebut mungkin tidak berjaya dilakukan dengan sepenuhnya; di antara sebabnya ialah penyelidik sendiri tidak berjaya membebaskan dirinya daripada latarbelakang budayanya. Biarpun demikian, melakukan kerja lapangan adalah satu usaha yang menguntungkan dari beberapa segi. Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa kekuatan sebenar pengetahuan yang diperolehi oleh antropologis bergantung kepada dua perkara utama: kemahirannya dalam menghayati dua budaya yang berlainan – budaya masyarakat tuan rumah dan budayanya sendiri; kedua, kesesuaian pendekatan analisisnya dalam memberikan penghuraian dalam bentuk perbandingan di antara kedua-dua budaya itu.

Teori dan Data

Hubungan di antara teori dan bahan empiris, atau data, sangat penting dalam semua bidang sains empiris, termasuk antropologi. Tiada sebarang bidang sains yang bergantung kepada teori sahaja (kalau demikian sifatnya disiplin tersebut tergolong ke dalam bidang matematik atau falsafah). Sebaliknya, sesuatu bidang sains itu tidak boleh pula bergantung sepenuhnya kepada fakta tulen semata-mata: kalau demikian halnya, bidang ini tidak dapat memberikan kita sebarang pengajaran yang menarik. Dalam perkataan lain, penyelidikan mempunyai dua dimensi yang penting: induktif dan deduktif. Induktif bermakna 'keluar ke alam nyata', 'memerhati, melihat, merenung dan berfikir', serta mengumpulkan maklumat tentang apa yang orang lain kata dan

apa yang mereka buat. Deduktif pula terdiri daripada usaha untuk menghuraikan maklumat tersebut dengan menggunakan hipotesis atau teori umum. Misalnya, jika kita mahu menguji hipotesis atau andaian bahawa kedudukan wanita dalam masyarakat adalah selaras dengan sumbangan mereka kepada ekonomi (lihat Bab 8), kita akan menggunakan beberapa hujah secara deduktif untuk menyokong andaian ini. Selepas itu kita akan memulakan penyelidikan, tetapi dalam proses melakukan kajian sebenar, kita mesti beralih kepada pendekatan berbentuk induktif, dengan melihat, memerhati dan merenung akan kedudukan wanita dan hubungannya dengan sistem ekonomi dalam beberapa buah masyarakat yang berlainan. Tetapi sebaik sahaja kita berhadapan dengan satu atau beberapa buah masyarakat yang menunjukkan bahawa nampaknya tidak ada sebarang hubungan yang jelas di antara sumbangan wanita (kepada ekonomi) dan kedudukannya dalam masyarakat, maka terpaksa kita kembali semula kepada hipotesis atau andaian asal bagi membuat beberapa penyesuaian.

Kita dapati bahawa mencari kebenaran seperti di atas merupakan satu proses yang memaksa kita berulang-alik, daripada pemerhatian ke atas fakta (induktif) kepada penghujahan teoretikal (deduktif). Dalam proses ini, fakta yang baru ditemui akan mengubah sedikit sebanyak teori yang kita pakai itu, dan seterusnya teori yang telah disesuaikan itu akan menghuraikan pula fakta yang ditemui. Proses berulang-alik (di antara teori dan empiris) bukan berlaku sekali dua, tetapi ternyata bahawa setiap kali berlaku pergerakan ulang-alik itu, persepsi dan pemahaman kita terhadap sesuatu fenomena itu menjadi lebih jelas dan lebih

tepat.

Jika sekiranya kita membuat pendirian bahawa kita menerima bulat-bulat apa yang diberitahu oleh informan kita, atau memperihalkan semua sekali apa yang mereka lakukan, maka kita tidak dapat membuktikan sama ada hipotesis atau andaian kita itu benar atau sebaliknya. Dalam keadaan ini kita ditenggelami oleh fakta yang terlalu banyak dan terperinci sehinggakan kita tidak dapat melihat sebarang pola atau keseragaman dalam perlakuan tersebut. Justeru itu pemerihalan kita terhadap masyarakat merangkumi segala-galanya yang ada dalam masyarakat itu, sehingga deskripsi itu menjadi terlalu kompleks, dan pada masa yang sama, kabur, seperti kaburnya sifat masyarakat. Oleh itu pendekatan antropologi yang utama ialah mencungkil pola dan keseragaman daripada perkara yang diperhatikan itu, dan seterusnya membuat beberapa ketetapan atau *abstraction* dengan berpandukan kepada teori. Tanggungjawab mutlak kita ialah menyatakan sesuatu yang penting tentang kehidupan sosial dan budaya dalam sesuatu masyarakat melalui ketetapan atau *abstraction* tersebut.

Oleh itu, pemilihan tajuk penyelidikan yang sesuai adalah suatu langkah yang sangat penting sebelum memulakan kerja lapangan. Kita mestilah memastikan dengan jelas misalnya, sama ada kita berminat mengkaji pengurusan sumber manusia atau mengkaji cara pembesaran kanak-kanak, sebelum kita berangkat ke lapangan. Kalau tidak, kita akan mendapati bahawa segala maklumat yang kita kumpul itu berkaitan serba sedikitnya dengan

semua perkara, tetapi tidak ada sebarang maklumat yang benar-benar mencukupi untuk sesuatu tajuk yang khusus. Godfrey Lienhardt (1985) telah membuat satu ulasan yang sangat menarik tentang perkara ini. Dengan meminjam analogi daripada Geertz, beliau menyamakan hubungan di antara teori dan etnografi itu seperti menyediakan 'gulai gajah berperisa arnab'. Resepi tersebut memerlukan seekor gajah yang mewakili etnografi, dan seekor arnab yang mewakili teori. Rahsianya, kata Lienhardt, ialah bagaimana mengolahkannya kedua-duanya supaya apabila gulai itu masak, rasa arnab yang timbul, bukan rasa gajah.

Antropologi di Tempat Sendiri

Tradisi antropologi membezakan dirinya daripada sosiologi melalui (i) penekanan yang kuat ke atas pemerhatian ikutserta and kerja lapangan, dan (ii) penyelidikan yang sebahagian besarnya ditumpukan ke atas masyarakat bukan-industri. Sosiologi pula menumpukan perhatian ke atas memahami, memberikan kritikan dan teguran terhadap masyarakat moden. Peranan antropologi dari segi sejarahnya ialah menghuraikan kepelbagaian dalam kewujudan manusia, dan dalam beberapa keadaan pula, cuba menyelamatkan budaya masyarakat yang hampir pupus dengan merekodkan cara hidup mereka dalam bentuk bertulis.

Oleh kerana beberapa sebab, kerja lapangan di tempat sendiri atau dalam masyarakat yang berjiran menjadi semakin meluas di kalangan antropologis semenjak awal 1960an. Pertama, oleh kerana berlaku beberapa perubahan dari segi sejarah, disiplin

antropologi menghadapi beberapa cabaran baru, termasuklah lenyapnya "masyarakat dan persekitaran tribal". Juga menjadi semakin sukar sekarang untuk menyatakan dengan jelas perbezaan antara 'kita' (yang dikatakan moden) dengan 'mereka' (yang dikatakan primitif), terutama sekali apabila modenisasi dan 'pembangunan' telah menyebabkan jarak yang jauh menjadi semakin dekat, sementara sempadan budaya yang dahulunya agak jelas sekarang menjadi semakin kabur. Sementara itu pula, orang yang menjadi bahan kajian kita pada masa ini berkemungkinan besar juga adalah orang yang akan membaca hasil penemuan penyelidikan kita. Kedua, analisis yang pernah dibuat terhadap masyarakat tribal telah banyak memberikan inspirasi kepada penyelidik untuk menggunakan model analisis yang sama bagi mengkaji masyarakat penyelidik sendiri. Analisis tersebut juga telah berjaya membentuk asas perbandingan yang sangat berguna. Ternyata bahawa sangat mudah untuk kita melihat apa yang unik dalam masyarakat sendiri apabila kita sudah dilengkapi dengan kemahiran analisis dan pengetahuan yang mendalam tentang masyarakat lain. Ketiga, pada masa ini terdapat ramai penyelidik yang terpaksa bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan dana penyelidikan yang agak terhad; tidak ramai penyelidik yang bernasib baik mendapat anugerah dana bagi kerja lapangan jangka panjang di tempat jauh. Selain itu, terdapat negara Dunia Ketiga yang memandangkan kehadiran antropologis dari luar dengan penuh sangsi dan curiga. Seperti yang akan dijelaskan dalam bab-bab yang menyusul, beberapa projek penyelidikan yang menarik sebenarnya pernah

dilakukan dalam masyarakat yang dikatakan 'moden'.

Salah satu hujah yang digunakan untuk mengkritik mereka yang melakukan kerja lapangan di tempat sendiri ialah antropologi mempunyai tujuan asal untuk menghuraikan kepelbagaian budaya di muka bumi. Justeru itu adalah agak munasabah jika kita mengkaji masyarakat yang budayanya jauh lebih berbeza daripada masyarakat sendiri. Satu lagi pendapat pula mengatakan bahawa sangat perlu untuk kita menggunakan masyarakat sendiri sebagai asas tersirat ketika membuat perbandingan; kerana apabila kita mengkaji masyarakat lain, asas tersebut seringkali dilupakan. Namun demikian, terdapat beberapa bukti bahawa mengkaji masyarakat 'moden' juga memberikan manfaat dari segi kaedah perbandingan; kajian menyeluruh yang telah dilakukan terhadap masyarakat 'moden' menunjukkan bahawa di kalangan masyarakat ini juga terdapat kepelbagaian. Mereka pun bersifat *heterogeneous* dari segi organisasi sosial dan budayanya.

Hujah umum yang menyokong penyelidik antropologi di tempat sendiri berbunyi seperti berikut: persoalan yang sering kita tanya berkenaan dengan budaya, masyarakat dan sebagainya adalah sama pentingnya biarpun dalam masyarakat mana sekalipun di dunia. Salah seorang antropologis yang terkemuka, Sir Raymond Firth, menegaskan pandangan beliau dalam sebuah kuliah dalam tahun 1989: 'Oleh kerana persoalan dalam bidang antropologi boleh ditanya di mana-mana sahaja, lebih baik sekiranya kita menghabiskan masa melakukan penyelidikan di tempat yang kita sendiri rasa amat selesa' (Firth 1989). Beliau sendiri telah

melakukan sebahagian besar daripada kerja lapangannya di Tikopia, sebuah pulau tropika di Lautan Teduh. Pada hakikatnya, antropologi pada hari ini merangkumi seluruh dunia, termasuk tempat yang diakui oleh antropologis sebagai tempat sendiri. Kerja lapangan di tempat sendiri, seperti halnya juga dengan tempat lain, bergantung kepada kemahiran profesional yang dimiliki oleh antropologis. Dalam persekitaran sendiri atau persekitaran yang biasa bagi kita, seseorang itu mempunyai kelebihan dari segi menguasai bahasa dan perlakuan budayanya. Namun demikian, penyelidik mungkin mempunyai kelemahan kerana mengandaikan banyak perkara, seolah-olah dia sudah tahu serba serbinya. Masalah ini sering disebut sebagai *homeblindness*, iaitu kita kurang peka dengan beberapa aspek budaya sendiri kerana kita rasa kita sudah cukup tahu. Keadaannya seperti ini mungkin boleh disamakan dengan pepatah Melayu, 'kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tidak kelihatan'. Kelemahan ini boleh diperbaiki melalui latihan yang sesuai. Sifat perbandingan serta pendekatan menyeluruh dan terperinci, yang menjadi teras kepada sumber pengetahuan antropologi, membolehkan kita mengkaji masyarakat di tempat sendiri dengan menggunakan metod dan alat analisis yang sama yang digunakan ke atas masyarakat di tempat lain.



Gambar 2.1: Fredrik Barth pernah melakukan penyelidikan di kalangan masyarakat di Timur Tengah. Kemudiannya beliau telah melakukan kerja lapangan di kalangan orang Baktaman di New Guinea pada tahun 1968. Pengalamannya di lapangan telah diceritakan semula dalam beberapa bentuk penulisan. Di antara yang menarik ialah bagaimana beliau terpaksa menghadapi kekurangan makanan, sehinggalah berat badannya susut sebanyak 10 kilogram (21 pound). Tetapi yang anehnya ialah perutnya menjadi lebih buncit; ukuran pinggangnya bertambah sebanyak 10 sentimeter (4 inci). (Gambar: Scandinavian University Press)

Interpretasi dan Analisis

Pada ketika disiplin antropologi mula terbentuk dalam tahun-tahun awal abad ke-20, masih terdapat banyak kawasan yang belum pernah dilawati oleh orang Eropah, apa lagi yang dikaji dengan cara yang sistematis. Boas mengkaji masyarakat asli di

pantai barat Amerika Utara; Malinowski tinggal di Kepulauan Trobriand; Bateson melawat masyarakat Iatmul di New Guinea, dan Evans-Pritchard melakukan penyelidikan di kalangan orang Azande. Pada ketika itu, mereka semuanya menghadapi masalah yang sama dalam melakukan persiapan awal sebelum berangkat ke lapangan. Oleh kerana bahan yang boleh dibaca berkenaan dengan masyarakat berkenaan sangat terhad atau hampir tidak ada langsung, mereka mempunyai pengetahuan yang tidak begitu cukup berkenaan dengan masyarakat yang hendak dikaji itu. Tetapi semenjak zaman mereka itu dunia telah banyak berubah. Biasanya, bagi setiap kawasan yang ingin kita dilawati itu, sudahpun terdapat sesuatu yang ditulis, melainkan bagi sesetengah masyarakat di tempat begitu terpencil, yang mungkin belum lagi ditemui dan dikaji oleh antropologis, seperti yang ditemui di lembah Amazon atau New Guinea misalnya. Pada zaman ini juga terdapat kemudahan bagi seseorang mempelajari bahasatempatan sebagai persediaan awal, selain daripada pelbagai jenis bahan bacaan khusus bagi sesuatu kawasan. Pendek kata persiapan awal sebelum berangkat ke lapangan boleh dilakukan dengan lebih baik berbanding dengan zaman dahulu.

Monograf antropologi yang dianggap klasik memuatkan berbincangan tentang institusi sosial yang penting dalam sesuatu masyarakat, bermula dengan pemerihalan terperinci terhadap penempatan atau perkampungan. Tinjauan tersebut bertujuan untuk memberikan satu pandangan seluas mungkin tentang 'cara hidup' masyarakat tempatan, dengan menghuraikan hubungkait di antara agama, politik, ekonomi, kekerabatan dan sebagainya.

Oleh kerana beberapa sebab tertentu, model penulisan klasik seperti ini sudah tidak lagi menjadi satu kebiasaan umum. Salah satu sebab yang agak jelas ialah kebanyakan penyelidikan antropologi dilakukan dalam persekitaran yang besar dan kompleks dan bukan lagi terhadap kepada sesuatu perkampungan yang kecil. Sebab yang satu lagi ialah disiplin antropologi mempunyai bilangan pengkhususan yang semakin banyak dan berkembang. Dalam keadaan demikian, ramai antropologis terpaksa memilih tajuk kecil yang sesuai dengan mana-mana sub-bidang dalam disiplin antropologi. Di antara sub-bidang atau pengkhususan tersebut ialah sistem perubatan, sosialisasi, ritus awam dan wacana politik. Sebab yang ketiga ialah sudahpun terdapat sejumlah besar bahan etnografi berkenaan dengan kebanyakan kawasan di dunia; maka tidak perlu lagi bagi setiap penyelidikan baru memulakan kerja lapangan dengan memungut semula bahan etnografi asas. Misalnya, apabila Annette Weiner berlepas untuk melakukan kerja lapangan di Kepulauan Trobriand dalam tahun 1970an, beliau tidak perlu mengkaji semula setiap aspek sosial dan budaya masyarakat Melanesia dengan terperinci: Malinowski dan beberapa orang lain sebelumnya telah pun melakukannya. Justeru itu beliau boleh terus menumpukan perhatian kepada mana-mana aspek orang Trobriand yang menarik minatnya, ataupun memberikan tumpuan kepada mana-mana aspek yang telah mencetuskan kontroversi atau kesangsian dalam analisis yang lepas (Weiner 1988). Weiner telah menumpukan perhatian kepada peranan wanita dan hubungan gender; dalam pemerhatian itu beliau juga mengimbas kembali

secara kritikal penulisan yang telah dilakukan sebelumnya di Trobriand (lihat Bab 8 dan 11).

Di samping itu pula, teori sosial sudah mula digubal dari dalam masyarakat yang dikaji oleh antropologis. Misalnya, penulisan sosiologi, antropologi dan beberapa bahan lain yang melibatkan teori, sekarang sudah mula dihasilkan oleh anak cucu informan kepada Radcliffe-Brown dan Kroeber. Ini bermakna bahawa antropologi hari ini terpaksa berdepan dengan sebuah masyarakat yang telah dikaji dengan lebih mendalam lagi berbanding dengan apa yang pernah dilakukan sebelumnya. Ini juga membawa implikasi bahawa penemuan antropologi boleh memberi kesan kepada masyarakat setempat secara langsung. Sebagai contoh, jika sekiranya ada orang menulis sebuah monograf tentang sebuah komuniti di Afrika Selatan, buku itu mungkin dibaca oleh sebilangan daripada mereka yang telah menjadi bahan pemerhatian antropologis. Kesannya ialah isi kandungan buku tersebut boleh mempengaruhi masyarakat setempat kerana apa yang dibaca itu sedikit sebanyak akan menjadi sebahagian daripada realiti sosial informan yang terlibat. Keadaan ini sudah tentulah telah membangkitkan beberapa masalah berhubung dengan etika penyelidikan. Tidak terfikir langsung oleh Malinowski atau Bateson bahawa buku mereka tentang Melanesia berkemungkinan besar akan mempengaruhi secara langsung masyarakat setempat (namun demikian, penulisan Malinowski tersebar luas pada masa ini di kalangan masyarakat Trobriand). Pada ketika itu kedua-dua orang antropologis boleh menulis sesuka hati tanpa memikirkan isu etika yang melibatkan

penduduk tempatan. Keistimewaan ini sudah tidak benar lagi sekarang, terutama sekali jika penulisan itu menggunakan bahasa Inggeris atau Perancis.

Laras Bahasa Penulisan Etnografi: Yang Lepas dan Yang Kini

Buku antropologi biasanya ditulis dalam laras bahasa yang menggambarkan bahawa perkara yang diceritakan itu sedang berlaku pada masa kini. Tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian besar daripada monograf yang sangat terpengaruh telah ditulis lebih dari setengah abad yang lepas. Hampir semua masyarakat yang diperihalkan itu telah berubah dengan menyeluruh semenjak kerja lapangan yang pertama dilakukan. Kerap kali juga kerja lapangan telah dilakukan dalam satu era yang kritikal, iaitu satu era yang berada di luar edaran biasa sejarah masyarakat tempatan. Misalnya, kajian antropologi yang benar-benar klasik telah dilakukan dalam tempoh terakhir kolonialisme Perancis dan British, iaitu satu era di antara Perang Dunia Pertama dan tahun 1960. Era tersebut sebenarnya merupakan tempoh yang boleh dianggap luarbiasa (*atypical*) dalam persejarahan Afrika kerana dalam tempoh itulah benua tersebut menghadapi suasana politik yang tidak stabil. Sebelum dan selepas era tersebut boleh dikatakan bahawa di sebahagian besar Afrika, keadaan kritikal seperti yang dialami dalam zaman kolonialis tidak wujud dengan meluas.

Antropologi tidak pernah bertujuan untuk mengganti peranan dan sumbangan disiplin sejarah. Fokus analisisnya secara

tradisinya ialah kepada hubung kait sosial dan budaya yang berlaku pada sesuatu detik masa dan ketika. Sehingga akhir-akhir ini, jarang sekali antropologi cuba menekankan proses sejarah yang berlaku sehingga membawa kepada keadaan masa kini. Dalam tradisi antropologi British, Amerika dan Perancis, tujuan utamanya ialah memperihalkan perjalanan dan kewujudan sesuatu masyarakat atau budaya, tetapi bukan untuk menghuraikan bagaimana budaya dan masyarakat tersebut terbentuk melalui proses sejarahnya. Antropologis seperti Boas, Radcliffe-Brown dan Malinowski semuanya agak kurang senang dengan pendekatan persejarahan budaya yang bersifat spekulatif, iaitu satu bentuk pendekatan antropologi yang digunakan sebelum munculnya antropologi moden. Beberapa penulisan antropologi yang lepas mengandungi unsur persejarahan budaya yang tidak begitu tepat kerana sifat spekulatifnya; justeru itu jika dewasa ini timbul sebarang teguran terhadap tulisan tersebut, maka tujuannya bukanlah untuk memperkecilkan peranan sejarah, tetapi tujuannya ialah untuk memperbaiki fakta sejarah supaya lebih tepat lagi.

Perkembangan terakhir semenjak tahun 1980an, ialah timbulnya semula minat untuk memberikan penekanan kepada dimensi sejarah dalam pendekatan terbaru antropologi. Namun demikian, kebanyakan kajian antropologi boleh dianggap sebagai kajian yang 'membekukan' perjalanan masa -- seolah-olah seperti kita mengambil gambar 'tidak bergerak' (*snapshot*). Justeru itu kita menggunakan laras bahasa yang dinamakan *the ethnographic present* (kalakini etnografis) untuk membayangkan keadaan dalam

jangka masa yang 'dibekukan' itu. Dalam erti kata lain, apabila kita memperihalkan aspek budaya dan organisasi sosial orang Nuer, orang Trobriand atau orang Pathan di lembah Swat dalam monograf dan sebagainya, faktor *bila* perkara itu berlaku tidak begitu relevan. Perkara utama yang penting dalam penyelidikan antropologi bukan penghuraian dalam bentuk urutan sejarah atau salasilah, tetapi kekuatan dari segi menghuraikan dengan jelas perbezaan dan persamaan dalam kewujudan manusia dalam pengertian yang seluas mungkin. Seperti yang dinyatakan oleh Kirsten Hastrup, konsep kalakini etnografis (*ethnographic present*) bukanlah bermakna bahawa masyarakat yang dikaji itu tidak bergerak langsung dari segi perkembangan masa (*timelessness*), 'tetapi yang kita pentingkan di sini ialah pengetahuan etnografis itu melampaui sempadan empiris' (1922, h. 128). Oleh yang demikian pengetahuan yang dicari itu akan membekalkan kita dengan pengetahuan mendalam tentang kewujudan dan keadaan manusia secara umum yang tidak terikat dengan sesuatu masa dan waktu tertentu.

Kajian antropologi yang disebutkan di atas boleh disifatkan sebagai penelitian secara sinkronis terhadap kehidupan sosial. Proses ini samalah seperti kita mengharungi sebuah sungai dan menjelajahi sungai itu ketika airnya sedang mengalir, manakala ahli sejarah pula terpaksa mengkaji sungai yang sama, tetapi apabila airnya sudah kering. Pengajaran penting di sini ialah kita tidak boleh melakukan pemerhatian ikutserta ke atas masyarakat dalam konteks masa yang telah berlalu.

Dalam pada itu pula terdapat ramai antropologis yang terpengaruh dengan pandangan Kroeber dan Evans-Pritchard yang menyatakan peri pentingnya kita mengetahui latar belakang sejarah sesuatu masyarakat serta bagaimana latar belakang sejarah itu menyumbang kepada keadaan sekarang. Pendekatan ini sangat-sangat berfaedah, bahkan sesetengah orang akan mengatakan sangat mustahak. Tetapi pendekatan ini sangat sesuai jika sekiranya masyarakat berkenaan mempunyai bahan sejarah yang bertulis. Pendekatan sejarah berguna untuk satu lagi aspek dalam penyelidikan antropologi. Misalnya, jika kita ingin memahami kewujudan sebenar sesuatu masyarakat, tidak memadai jika kita hanya mengkaji masyarakat itu secara terpisah; kita mesti juga mengkaji hubungannya dengan masyarakat lain. Hubungan di antara masyarakat hanya boleh dilakukan dengan menggunakan pendekatan sejarah (lihat Wolf 1982). Sebagai contoh, pemahaman kita terhadap revolusi industri di England mungkin menjadi lebih jelas lagi jika kita melihat hubungan revolusi itu dengan sejarah perdagangan hamba abdi dan pembukaan ladang kapas di Amerika Syarikat.

Secara keseluruhannya, kalakini etnografis dan dimensi sejarah sepatutnya tidak boleh dilihat sebagai bertentangan serta berasingan sama sekali. Mereka yang mengkritik pendekatan difusi menekankan peri pentingnya mengkaji pelbagai budaya dan masyarakat sebagai sistem yang bersepadu (*integrated*) dan berhubung kait di antara satu sama lain. Mereka juga lebih cenderung untuk menekankan sifat masyarakat yang secara relatifnya terpisah serta sifatnya yang statik. Sebaliknya, sumber

sejarah sememangnya berguna – sumber tersebut dapat memberikan sumbangan penting kepada pemahaman umum terhadap sesuatu masyarakat kontemporari, tetapi sumbangan tersebut ada hadnya kerana terbatas kepada satu-satu masyarakat sahaja.

Pendekatan dalam Menulis dan Membaca Etnografi

Kerja lapangan tetap menjadi metod utama bagi menghasilkan pengetahuan baru dalam antropologi; namun demikian penyebaran pengetahuan tersebut di kalangan komuniti profesional antropologis biasanya berlaku melalui penulisan buku dan monograf. Mengikut pemerhatian Geertz ke atas beberapa hasil karya antropologis yang terkemuka, satu perkara penting yang mencirikan antropologis ialah kegiatannya dalam menulis (Geertz 1988). Bukan itu sahaja, tetapi Geertz juga telah menarik perhatian kita kepada cara sesuatu karya antropologi itu ditulis. Karya tersebut sebenarnya bukanlah bersifat *neutral* dan objektif, tetapi pemerihalannya tentang adat resam dan sistem budaya diwarnai oleh beberapa faktor: biografi dan pengalaman peribadi penulis, gaya dan retorika kesusasteraan, selain daripada zaman atau era sejarah sewaktu penulisan itu dilakukan (zaman penjajahan misalnya), dan sudah tentu sekali, oleh ciri-ciri kerja lapangan pengkaji. Aspek tersebut mempunyai pengaruh yang kuat dalam proses penghasilan pengetahuan antropologi. Pandangan ini seringkali tidak dianggap penting oleh sesetengah golongan kerana bagi mereka, yang penting ialah monograf yang menjadi kemuncak pada penghujung proses penyelidikan.

Cara penulisan bahan-bahan etnografi seperti yang disebut oleh Geertz dalam bukunya itu nampaknya telah mempersoalkan kewibawaan bahan kajian etnografis sebagai sumber pengetahuan yang tepat berkenaan budaya dan masyarakat. Justeru itu pandangan tersebut seolah-olah telah menyamakan penulisan etnografi dengan karya kesusasteraan. Tetapi ini bukanlah tujuan Geertz yang sebenar: beliau hanya mahu supaya interpretasi bahan etnografis itu diadakan dalam konteks yang membolehkan pembaca mengukur semula dengan sewajarnya akan nilai dan sumbangan karya etnografis. Misalnya, beliau menyebut bagaimana Raymond Firth memulakan bukunya berkenaan masyarakat Tikopia dengan cara deskriptif, seolah-olah seperti satu karya kreatif yang dipenuhi dengan gaya ceria yang dipinjam daripada Dickens dan kerakusan kata daripada Conrad (Geertz 1988, h. 13). Mungkin tujuannya ialah untuk meyakinkan pembaca bahawa beliau benar-benar kenal dengan masyarakat yang dikajinya itu. Tetapi selepas itu, dalam 500 halaman yang menyusul, beliau telah memperihalkan dalam peristilahan sosiologi yang kemas dan teratur masyarakat yang sama. Kritikan ini bukan pula bermakna bahawa penulisan Firth tidak boleh diterima, tetapi hakikatnya seorang antropologis yang lain akan menulis sebuah buku yang berlainan serta dalam perkataan lain pula. Oleh itu, biarpun antropologis berperanan sebagai penulis, sebenarnya apa yang ditulisnya itu dipengaruhi oleh pengalamannya dalam persekitaran lapangan tempat kajian itu dilakukan. Selain itu gaya penulisannya juga dipengaruhi oleh pendedahan dan kebiasaannya dengan gaya kesusasteraan yang

pernah dilaluinya sebelum itu.

Dalam masa kebelakangan ini timbul beberapa orang sarjana yang bukan antropologis yang sebenar tetapi berminat untuk menggubal teori tentang antropologi. (Justeru itu mereka ini bolehlah dipanggil sebagai meta-antropologis). Kebanyakannya telah mengikuti jejak Geertz dalam menggunakan metod kritikan yang dipinjam daripada bidang kesusasteraan untuk menilai penulisan etnografi (lihat, terutamanya, Clifford dan Marcus 1986; Manganaro 1990). Mereka telah mendakwa bahawa gaya penulisan Malinowski dipinjam daripada Joseph Conrad; pemerihalan Evans-Pritchard tentang masyarakat Afrika diwarnai oleh latarbelakang dan sikapnya sebagai seorang kolonialis; sementara kajian Ruth Benedict tentang masyarakat Jepun, *The Chrysanthemum and the Sword* (Benedict 1974 [1946]), sepatutnya tidak boleh dianggap sebagai sebuah monograf penyelidikan, tetapi mesti dibaca dan difahami dalam konteks Perang Dunia Kedua. Salah satu daripada implikasi daripada tuduhan, serta agenda terpendamnya, terhadap gaya penulisan yang bersifat naratif ialah anggapan bahawa hasil kajian antropologi nampaknya lebih bersifat 'mengesyorkan' atau 'mencadangkan' (*persuasive*) daripada meyakinkan; justeru itu penulisan tersebut telah menimbulkan lebih banyak pertanyaan daripada jawapan; Penulisan tersebut banyak dipengaruhi oleh bias peribadi pengarangnya, serta membangkitkan 'perasaan anih dan hampir tidak percaya' daripada apa yang diceritakan, bukan kerana data yang dipersembahkan, tetapi kerana cara penulisannya dari segi gaya dan retorikanya.

Minat yang terdapat kekelakangan ini terhadap penulisan etnografis sepatutnya tidak menyebabkan timbulnya kesimpulan yang begitu radikal daripada sesetengah golongan. Tujuan Geertz membangkitkan perkara ini bukan untuk mempersendakan etnografi sebagai cerita rekaan (*fiction*) tetapi bertujuan memberikan ingatan bahawa 'kita hendaklah membacanya dengan mata dan hati yang lebih terbuka dan berwaspada' (1988, p. 24). Justeru itu penting sekali kita mengetahui sedikit sebanyak tentang teknik penulisan kesusasteraan, serta bagaimana pengalaman peribadi dan konteks persejarahan mempengaruhi penulisan etnografis. Oleh itu jika kita sedar akan perkara ini, pemahaman kita terhadap penulisan etnografis akan menjadi lebih tepat lagi berbanding dengan orang yang kurang berpengetahuan dalam teknik penulisan kesusasteraan. Kecenderungan untuk melihat keadaan sosial yang berhubung dengan penghasilan pengetahuan telah menyebabkan munculnya dalam tahun 1980an dan 1990an, terutama sekali di Amerika Syarikat, penulisan yang dipanggil *experimental ethnographies*, yang cuba menggantikan gaya dan retorika lama dalam penulisan etnografi dengan gaya yang lebih objektif dan tidak menyebelahi kepada mana-mana pihak (lihat Marcus dan Fischer 1986; Clifford dan Marcus 1986). Selain daripada itu juga muncul *postcolonial ethnographies* yang ditulis sama ada oleh ahli masyarakat yang dahulunya pernah dijajah, atau oleh golongan antropologis yang berpendirian bahawa pemahaman antropologi sebelum ini terhadap sesuatu kawasan dipengaruhi kuat oleh pemikiran dan mentaliti kolonial, atau setidaknya-tidaknya oleh pandangan stereotaip dan

kecenderungan untuk membesar-besarkan perkara eksotika sahaja (lihat misalnya, Guha 1989).

Masalah Terjemahan

Sewaktu kita membincangkan konsep relativisme budaya dalam bab lepas, kita telah menekankan bahawa kita tidak mungkin dapat memahami sesuatu masyarakat dengan sempurna jika kita mengukur pencapaian masyarakat itu mengikut piawai dan nilai masyarakat kita sendiri. Justeru itu menjadi satu cabaran besar untuk kita mencari kaitan antara konsep analisis yang kita gunakan dengan realiti sosial dan budaya masyarakat yang kita kaji itu. Masalah yang sering timbul daripada usaha seperti ini sering disebut sebagai masalah 'penterjemahan'; bagaimanakah kita menterjemahkan cara masyarakat asing itu menghayati dunia mereka itu ke dalam gaya dan cara berfikir yang biasa dengan kita. Bagaimanakah kita memastikan bahawa apa yang kita cuba perihalkan semula ke dalam peristilahan kita itu tidak jauh menyeleweng daripada yang asal, atau menjadi magsa kepada tafsiran yang salah? Dan yang penting sekali ialah adakah kita pasti bahawa kita benar-benar faham akan masyarakat asing itu, sedangkan kitapun dibelenggui oleh latar belakang, konsep dan nilai budaya sendiri. Masalah yang sentiasa berkaitan dalam penterjemahan ini sangat penting dibincangkan dalam antropologi, dan persoalan ini akan diperkatakan dengan lebih terperinci lagi dalam Bab 14. Tetapi buat sementara waktu, biarlah kita sebutkan dahulu secara ringkas beberapa perkara tentang masalah tersebut.

Dalam disiplin antropologi, kita tidak dapat lari daripada menggunakan istilah abstrak seperti kekerabatan, organisasi sosial, kawalan sosial, agama dan sebagainya. Istilah seperti ini mesti digunakan kerana hanya melalui penggunaannya disiplin antropologi boleh bersifat perbandingan atau *comparative*. Justeru itu dengan menggunakan satu konsep abstrak, seperti kekerabatan sebagai contoh, maka barulah boleh kita membanding dan membezakan sistem kekerabatan di Kepulauan Trobriand dengan yang terdapat di tempat lain, di kalangan orang Yanomamö misalnya. Namun demikian, istilah abstrak dan teknikal yang digunakan oleh antropologis itu kadangkala tidakpun wujud dalam masyarakat yang kita kaji itu: istilah-istilah tersebut adalah sebahagian daripada dunia abstrak kita, bukan dunia abstrak mereka. Justeru itu, bagaimanakah kita mengatasi masalah ini, iaitu masalah memperihalkan masyarakat asing dalam peristilahan kita yang pada hakikatnya bukan selari dan sepadan dengan peristilahan mereka. Bagaimanakah kita menangani persoalan ini jika kita mahu mempertahankan bahawa tujuan utama antropologi ialah memahami masyarakat dan budaya dari perspektif dalaman?

Terdapat beberapa cara untuk menyelesaikan paradoks di atas. Langkah pertama ialah membezakan pemerihalan (*description*) daripada analisis. Pemerihalan dalam antropologi biasanya hampir menyamai apa yang diceritakan oleh masyarakat yang dikaji, iaitu mengikut apa yang dipersepsikan oleh informan tentang dunia sebenar mereka. Cabaran utama dalam perkara ini ialah menterjemahkan konsep-konsep tempatan ke dalam laras

bahasa yang lazim digunakan oleh antropologis. Apabila memerihalkan keadaan sosial dan budaya, antropologis biasanya memetik bulat-bulat perkara yang diceritakan oleh informannya bagi memberikan satu pandangan dari perspektif dalaman. Bahagian analisis pula cuba melihat keberkaitan, pada tahap teoritis, di antara masyarakat yang dikaji itu dengan masyarakat lain dengan membincangkannya melalui peristilahan antropologi perbandingan. Oleh yang demikian, dalam melakukan perbandingan tersebut antropologis akan menggunakan beberapa konsep yang mungkin tidakpun wujud dalam masyarakat yang dikaji itu. Misalnya, apakah bentuk 'sistem kekerabatan' yang diamalkan oleh mereka? Bagaimanakah mereka menyelesaikan 'konflik'? Apakah bentuk 'pembahagian tugas' (*division of labour*) di kalangan lelaki dan wanita? Apakah peranan 'agama dan ritus'? Bagaimanakah 'hubungan kuasa' terbentuk?

Perbezaan di antara deskripsi dan analisis sangat berguna, tetapi perbezaan ini bukanlah sesuatu yang mutlak. Bahkan apa yang diperihalkan oleh antropologis itu kadang-kadang bergantung kepada selernya dalam memilih perkara yang hendak diceritakan semula dan juga kepada cara dia menterjemahkan perkara tersebut. Juga mesti diingati bahawa penyelidik sendiri tidak akan dapat menjadi orang tempatan sepenuhnya, serta berjaya membebaskan dirinya daripada sifat *bias* atau berat sebelah kepada budaya sendiri. Di samping itu pula, untuk memuatkan segala-gala yang diceritakan oleh informan ke dalam satu deskripsi agak tidak munabah, biarpun tujuan kita ialah

memberikan satu pemerihalan yang benar-benar menyeluruh, dan biarpun kita diberikan sehingga lebih daripada seribu halaman untuk menulisnya.

Emik dan Etik

Biarlah kita lihat sekali lagi dengan lebih dekat hubungan di antara pandangan dari dalam dan pandangan dari luar.

Pemerihalan etnografis adalah lebih hampir kepada apa yang dialami oleh informan berkenaan dengan dunia yang dialaminya berbanding dengan analisis, yang bertujuan untuk memberikan satu gambaran umum tentang budaya dan masyarakat. Tahap deskriptif – gaya hidup seperti yang dialami dan diperihalkan sendiri oleh anggota sesuatu masyarakat – kadangkala disebut sebagai tahap ‘emik’. Lawannya ialah tahap analisis atau penghuraian oleh penyelidik, iaitu yang dipanggil tahap ‘etik’.

Gandingan atau dikotomi emik-etik mula sekali diperkenalkan dalam antropologi oleh Marvin Harris (1964, 1979), tetapi orang yang menggubalnya ialah seorang ahli bahasa bernama Kenneth Pike. Beliau telah mencipta kedua-dua istilah itu berasaskan kepada perbezaan dalam linguistik antara fonetik dan fonemik. Masing-masingnya merujuk kepada hubung kait secara objektif antara ‘bunyi’ di satu pihak, dan ‘makna sesuatu bunyi’, di pihak yang satu lagi.

Yang dikatakan emik ialah pandangan yang terbentuk daripada perspektif dalaman informan, manakala perspektif analisis oleh

antropologis pula dipanggil etik. Namun demikian, biarpun antropologis cuba sedaya upaya untuk menyampaikan semula realiti seperti yang dialami oleh informannya, pada hakikatnya usahanya itu tidak kesampaian sepenuhnya. Ada tiga sebab mengapa usahanya itu tidak sama dengan pemerihalan dalam bentuk emik. Pertama, biasanya dalam penterjemahan etnografis kita terpaksa mengendalikan dua bahasa yang berlainan, dan semestinyalah hasil terjemahan itu berlainan sedikit sebanyak berbanding dengan yang asal. Kedua, kita menggunakan bentuk bertulis untuk merakamkan sesuatu maklumat yang asalnya berbentuk lisan. Biasanya makna sesuatu perbualan atau kenyataan lisan itu akan bertukar apabila disampaikan dalam bentuk bertulis. Ketiga, tidak mungkin seorang antropologis itu boleh bertukar menjadi sama seperti orang yang mereka kaji itu dalam semua segi. Hanya pemerihalan yang dibuat oleh orang tempatan sahaja dalam bahasanya sendiri yang boleh dikatakan sebagai pemerihalan yang benar-benar berbentuk emik dalam pengertian halus antropologi.

Terdapat satu tanggapan umum bahawa perspektif emik itu salah, hanya perspektif etik sahaja yang betul. Tanggapan ini nampaknya dibuat dalam kerangka perdebatan yang agak mengelirukan, kerana perkara yang penting ialah bukan menentukan siapa yang betul antara informan dan penyelidik, tetapi kita harus menerima hakikat bahawa setiap orang penyelidik itu mempunyai minat yang khusus dan agenda tersendiri. Minat tersebut ialah meneliti sesuatu masyarakat melalui sudut pandangan tertentu, walhal minat tersebut tidak

semestinya selari dengan minat informannya di lapangan. Terdapat pelbagai cara, dan hampir semuanya betul, untuk melakukan pemerihalhan tentang sistem sosial dan budaya. Apa cara sekalipun yang dipilih bergantung kepada minat penyelidik. Satu lagi bentuk perselisihan pendapat berhubung dengan etik ialah pandangan bahawa pemerihalhan etik adalah lebih 'jitu' sedangkan pemerihalhan etika bersifat 'abstrak'. Perbezaan ini mungkin boleh diterima, tetapi ini tidak semestinya benar semuanya. Mengikut Geertz (1983), banyak masyarakat yang dikaji menggunakan juga konsep abstrak yang tidak kurang kompleks dari segi makna, seperti 'tuhan', 'sihir', 'bunga' (bagi merujuk kepada 'faedah' dalam hal pinjam meminjam), 'karma' dan sebagainya.

Satu perkara penting yang membolehkan penyelidikan antropologi itu menjadi lebih bermakna ialah antropologis yang berada di lapangan itu mempunyai satu kelebihan yang tidak terdapat pada penduduk tempatan yang dikajinya. Antropologis mempunyai kemahiran untuk membanding-bezakan keadaan atau realiti tempatan dengan realiti di tempat lain. Dengan demikian pemahaman kita terhadap masyarakat lain menjadi lebih tajam, sementara khazanah pengetahuan kita tentang kepelbagaian sosial dan budaya di kalangan manusia bertambah. Namun demikian terdapat dua pendekatan yang berlainan dalam membaca realiti tempatan: sesetengah antropologis menganggap diri mereka seperti saintis tulen yang pernanannya ialah mencari teori dan hukum umum tentang budaya dan masyarakat; sementara golongan satu lagi terdiri daripada mereka yang lebih

berminat untuk mengkaji sesuatu masyarakat seberapa terperinci yang mungkin, serta meragui akan ketepatan teori secara umum. Namun demikian kedua-dua golongan mempunyai minat yang sama. Semuanya berminat untuk meneliti dengan mendalam persamaan dan kepelbagaian bentuk dalam kewujudan manusia, serta keyakinan penuh terhadap kemampuan antropologi sebagai alat untuk menyatakan sesuatu yang bermakna tentang perkara ini.

Antropologi sebagai Alat Politik

Terdapat antropologis yang bekerja dalam beberapa jenis profesyen. Hanya sebilangan kecil sahaja yang bekerja di universiti sebagai penyelidik dan pengajar. Ramai yang terlibat dalam perbadanan atau agensi pembangunan, dan lebih ramai lagi yang bekerja sebagai kakitangan pentadbiran awam. Terdapat juga antropologis yang bekerja dalam industri penerbitan, dalam syarikat swasta, di hospital dan sebagainya. Ternyata bahawa pengetahuan antropologi mempunyai kegunaan dalam pelbagai bidang profesional. Dalam buku ini kita akan menumpukan fokus kita kepada satu arena yang menempatkan antropologis profesional yang menyumbang kepada pembentukan dan penghasilan pengetahuan antropologi. Dalam arena inilah disiplin antropologi diberikan definisinya melalui penulisan buku, monograf, makalah dan sebagainya yang dinilai secara terbuka dalam pelbagai bentuk. Dalam arena ini jugalah bahan bacaan wajib disenaraikan dan kurikulum digubal.

Antropologi, yang dilahirkan daripada suatu persekitaran sosial yang khusus, boleh dijadikan subjek kajian mengikut kaedah antropologi. Pengetahuan antropologi yang disajikan kepada pelajar tidak terbentuk dalam persekitaran yang kosong tanpa sebarang pengaruh daripada suasana sosial dan budaya yang ada pada ketika itu. Begitu juga halnya dengan arah dan tujuan teori dan pemahaman empirikal; kedua-duanya terbentuk dan dipengaruhi kuat oleh apa yang berlaku di kalangan kita dari segi kerjasama sosial, persaingan, kegigihan untuk meningkatkan pencapaian peribadi, dan tindak tanduk politik. Untuk berjaya, pelajar antropologi mestilah diasuh dan dididik dalam suasana pemikiran dan gaya penulisan yang khusus sebagai sebahagian daripada proses sosialisasi mereka (lihat Bab 3).

Dalam hal ini antropologi boleh dianggap sebagai satu persekitaran sosial dan budaya; dan seperti juga halnya dengan sebarang fenomena sosial, terdapat bentuk hubungan yang melibatkan perbezaan kuasa. Masalah ini sering ditimbulkan oleh golongan pelajar, serta mendapat kritikan hebat daripada mereka, iaitu golongan yang paling lemah dalam hubungan kuasa. Justeru itu dalam tahun 1970an satu perkara yang lazim bagi pelajar di Barat ialah menubuhkan kumpulan informal yang bersifat 'lawan-budaya' (*countercultural*) yang bertujuan menganalisis dan mengkritik apa yang dilihat oleh mereka sebagai disiplin antropologi yang telah dirasuk oleh ideologi yang berat sebelah. Terutama sekali, mereka menghujahkan bahawa perspektif feminis tidak diberikan tempat; mereka juga mempersoalkan kemampuan pendekatan tradisional antropologi mengendalikan

persoalan yang berhubung dengan paksaan (*coercion*) dan penindasan (*exploitation*). Dalam era tersebut, golongan pelajar telah mencabar kewibawaan antropologi kerana terlalu memberikan keutamaan kepada kepentingan profesional sahaja. Kritik tersebut, di antara yang terpenting, telah menekankan bahawa antropologi, sebagai sains kemanusiaan, tidak boleh lari daripada ikatannya dengan masyarakat, dan seterusnya dipengaruhi pula oleh kepentingan kuasa yang ada dalam masyarakat. Daripada Dunia Ketiga pula terdapat kritik yang menuduh antropologi sebagai alat untuk mengembangkan ideologi kolonialis, yang cuba menundukkan masyarakat bukan kulit putih dengan cara mengembelingkan nilai hidup mereka ke dalam gagasan pengetahuan Barat. Satu lagi persoalan yang berkaitan ialah bagaimanakah pengetahuan itu berkembang. Adakah dalam suasana penyelidikan itu orang berani mengkritik diri sendiri dan begitu rakus untuk mencari pengetahuan (Karl Popper, 1968 [1959]), atau adakah mereka itu bersifat konservatif, kerana setiap penemuan baru itu akan mencabar kewibawaan mereka (Thomas Kuhn, 1962).

Golongan pelajar radikal, dan golongan lain yang mengkritik amalan antropologi, sebenarnya telah sedikit sebanyak menyumbang kepada transformasi disiplin tersebut, walaupun pada hakikatnya - mungkin semestinya - antropologi masih lagi ditentukan oleh golongan elite profesional yang berkuasa. Satu perkara yang sangat menarik tentang kritik ke atas diri sendiri itu ialah kesanggupan antropologis untuk menggunakan pengajaran daripada sains sosial bagi menilai dirinya sendiri.

Akhir sekali, kita juga mesti membincangkan sedikit tentang penghasilan pengetahuan oleh antropologi sebagai satu proses sosial. Sungguhpun kerja lapangan dianggap sebagai cara utama untuk mendapatkan pengetahuan baru, pembentukan kefahaman antropologi sebahagian besarnya berlaku di universiti dan institusi penyelidikan. Pertukaran maklumat di antara antropologis berlaku di peringkat antara bangsa dan juga melalui jurnal profesional, tesis kedoktoran dan buku. Oleh kerana antropologis terpaksa bersaing sesama sendiri untuk mendapatkan nama dan kuasa dalam persekitaran profesional, maka berlakulah pertarungan yang agak sengit sesama antropologis di peringkat antara bangsa. Mereka berlumba-lumba menerbitkan sebanyak mungkin buku demi menjaga kedudukan mereka. Perlumbaan tersebut didorong kuat oleh ungkapan Amerika yang terkenal, *publish or perish* -- yang membawa maksud 'jika kamu tidak ada sebarang penerbitan, maka kamu akan tersisih daripada komuniti akademik'. Pertarungan seperti ini bukan sahaja berlaku dalam disiplin antropologi, tetapi juga dalam disiplin sains lain. Dalam perkataan lain, kalau dahulunya terdapat andaian bahawa orang berusaha keras menerbitkan penulisan saintifik kerana didorong oleh 'rasa cinta kepada ilmu', tetapi sekarang kemungkinan besar dorongan seperti itu tidak semestinya benar.

Seperti yang sering disebut, disiplin antropologi adalah berkenaan dengan memahami sistem sosial dan kepelbagaian budaya, bukan berkenaan dengan kerjaya profesional antropologis.

Walaupun bagaimanapun kita harus mengambil ingatan bahawa

pengetahuan tersebut tidak dihasilkan dalam sebuah menara gading yang terpisah daripada realiti kemanusiaan yang sebenar. Pencapaian dalam bidang antropologi adalah sumbangan daripada insan biasa yang mempunyai hati dan jiwa, dan yang terbentuk daripada darah dan daging. Pendekatan analisis antropologi, yang mempunyai kebergunaan sejagat atau *universal*, sepatutnya juga digunakan sekali sekala untuk menilai diri kita sendiri, bukan untuk menilai 'masyarakat asing' sahaja.

Berkembang luasnya komuniti antropologis semenjak tahun 1960an, seperti yang digambarkan oleh meningkatnya jumlah penerbitan antropologi, telah menyebabkan agak sukar bagi setiap orang mengikuti keseluruhan pencapaian dalam bidang ini. Jumlah jurnal profesional dan monograf yang diterbitkan setiap tahun meningkat dengan cepatnya. Selain itu, kita juga telah melihat pengkhususan dalam disiplin antropologi semakin bertambah bilangannya, seperti pengkhususan dalam kajian kawasan (*area specialization*), antropologi perubatan, antropologi simbolis, antropologi pembangunan dan sebagainya. Oleh itu maka kelihatanlah seolah-olah antropologi diancam oleh masalah perpecahan dari dalam. Kalau dahulu kita dengan mudah dapat mengetahui bidang lingkup antropologi yang menyeluruh, tetapi sekarang bidang lingkupnya terlalu luas. Dalam tahun 1940an misalnya, kita hanya perlu membaca antara 30 hingga 40 buah buku sahaja untuk mengetahui dengan lengkap keseluruhan bidang antropologi. Tetapi sekarang buku yang mewakili bidang antropologi terlalu besar jumlahnya, justeru itu pengkhususan kepada sub-bidang tidak dapat dielakkan dalam perkembangan

semasa. Jika sekiranya kita mahu disiplin ini terus menjadi unggul dan bersepadu kita perlu membentuk satu teras umum berhubung dengan konsep umum, serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman. Buku ini bertujuan untuk menyampaikan sebahagian daripada asas sepunya dalam antropologi, bagi membolehkan setiap antropologis yang berada di mana sahaja bertukar-tukar pengetahuan profesional, biarpun mereka mempunyai pengkhususan dalam sub-bidang yang jauh berbeza antara satu sama lain. Seandainya kita gagal membentuk satu bahasa profesional sesama antropologis, maka bermaknalah kita tidak menghayati satu disiplin yang sama, yang membolehkan mereka yang mengkhusus dalam pelbagai sub-bidang itu, bertukar-tukar pendapat dan pengalaman.

Cadangan Bacaan Tambahan

Gerald Berreman: *Behind Many Masks: Ethnography and Impression Management in a Himalayan Village*. Society for Applied Anthropology: Monograph no. 4, 1962.

Russell H. Bernard: *Research Methods in Anthropology. Qualitative and Quantitative Approaches*. London: Sage 1994.

Roy F. Ellen. ed.: *Ethnographic Research*. London: Academic Press 1984.

Kotak 2.1

Bronislaw Kaspar Malinowski (1884-1942) dilahirkan di Krakow, Poland; kemudian dalam tahun 1910 beliau berpindah ke Great Britain. Di sanalah beliau telah menempah namanya sebagai seorang teoritis dalam bidang antropologis. Dari tahun 1915 hingga 1918 beliau telah melakukan kerja lapangan itu di Kepulauan Trobriand. Kerana kerja lapangan itulah beliau telah menjadikan begitu terkenal. Beberapa buah buku telah diterbitkan berdasarkan kerja lapangan tersebut, termasuk *Argonauts of the Western Pacific* (1922), *Crime and Custom in Savage Society* (1927) dan *The Sexual Life of the Savages in North-western Melanesia* (1929).

Malinowski telah memberikan sumbangan yang sangat penting kepada perkembangan antropologi, biarpun beliau mempunyai perspektif teori yang telah banyak menimbulkan kontroversi semenjak dari awal lagi. Metod kajiannya, yang menekankan penyertaan ikutserta dalam tempoh yang lama, telah menjadi piawai bagi penyelidikan oleh antropologis lain. Kajian etnografis beliau sangat terperinci serta tiada tandingannya pada zamannya. Dari segi tema, beliau juga telah membuka tujahan baru dalam penyelidikan antropologi seperti yang dibayangkan oleh penulisannya tentang undang-undang, teknologi, perlakuan seks, pertukaran dan beberapa subjek lain yang belum pernah dibincangkan dengan mendalam sebelum itu.

Malinowski menganggap bahawa semua institusi sosial dalam sesebuah masyarakat berhubung kait antara satu sama lain; justeru itu setiap fenomena sosial dan budaya mestilah dikaji dalam konteks yang sepenuh dan menyeluruh. Beliau juga berpendapat bahawa manusia mempunyai beberapa kehendak asas dalam naluri mereka; kehendak inilah yang menjadi pendorong kuat kepada pembentukan institusi sosial.

Kotak 2.2

Hak Asasi Manusia dari Perspektif Antropologi

Dalam perdebatan berkenaan dengan hak asasi manusia, perspektif universalisme dan perspektif relativisme mungkin bercanggah. Bagi satu pihak, hak asasi manusia itu adalah sesuatu yang sangat baik untuk semua orang dan sepatutnya diperluaskan ke seluruh pelusuk dunia, serta tidak boleh dianggap sebagai nilai yang dilahirkan oleh satu jenis masyarakat sahaja. Pihak yang satu lagi berpendapat bahawa hak asasi manusia, yang dinyatakan dalam bentuk Piagam Hak Asasi Manusia 1948, yang didakwa *universal* sifatnya itu, bukanlah sejagat dalam erti kata yang sebenar, kerana konsep itu lahir daripada falsafah sosial Eropah moden. Jika sekiranya pendapat kedua ini diterima, maka ternyatalah bahawa kita telah melakukan satu kesilapan besar dari segi etnosentrisme seandainya kita mahu konsep hak asasi manusia ala Eropah itu dipaksa juga ke atas masyarakat bukan

Eropah, seperti di Afrika dan lembah Amazon. Mengikut logik pendapat ini, setiap masyarakat itu mestilah difahami dalam peristilahan mereka sendiri, kerana setiap budaya mempunyai konsep yang tersendiri berhubung dengan keadilan dan hak asasi ahlinya. Mengikut pendapat pertama, yang menekankan konsep universalis, kalau kita menafikan hak asasi manusia kepada masyarakat tribal dan bukan-Eropah, maka perlakuan ini memperlihatkan betapa angkuh dan tidak berperikemunusiaannya kita, semata-mata kerana mereka itu mempunyai sejarah yang berlainan dengan kita.

Alison Dundes Renteln (1990) telah meneliti lebih daripada 100 masyarakat bagi memastikan sama ada prinsip hak asasi manusia itu wujud atau tidak secara empirisnya. Jawapan yang diperolehi oleh beliau ialah pada hakikatnya, tidak wujud. Terdapat terlalu banyak perbezaan antara masyarakat berhubung dengan apa yang benar dan apa yang salah; apakah bentuk hukuman yang setimpal bagi sesuatu kesalahan -- apakah yang dikatakan kesalahan yang berat dan kesalahan yang ringan -- semuanya berbeza mengikut masyarakat. Seseengah masyarakat mempunyai tradisi mengenakan hukuman bunuh ke atas mereka yang mengamalkan ilmu sihir; yang lain pula mengenakan seksaan ke atas mereka yang mencuri; seseengah masyarakat pula mengenakan hukuman mati ke atas pembunuh dengan menggunakan kerusi elektrik; sementara seseengah masyarakat pula tidak mempunyai sebarang peraturan atau norma sosial sehinggakan 'kebebasan bercakap' itupun dianggap sebagai sesuatu yang sangat bernilai.

Renteln seterusnya membuat kesimpulan bahawa setidaknya terdapat satu prinsip universal yang penting di kalangan pelbagai masyarakat, iaitu '*lex talions*', atau 'sebiji mata dibalas dengan sebiji mata; sebatang gigi dibalas dengan sebatang gigi'. Hukuman bagi sesuatu jenayah itu mestilah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Kenyataan ini terdapat di mana-mana sahaja, tetapi menentukan tahap kesalahan dan hukuman yang dikatakan setimpal itu berbeza daripada masyarakat ke masyarakat. Justeru itu Renteln telah mencadangkan supaya konsep hak asasi manusia itu diperkemas dengan mengambilkira perbezaan mengikut budaya dan masyarakat, untuk mengelak daripada tuduhan bahawa definisi Eropah atau ala Barat itu dikenakan secara paksa ke atas masyarakat lain. Tetapi apa yang tidak disentuh oleh Renteln ialah hakikat bahawa dalam abad ke-20, konsep hak asasi manusia telah banyak diterima oleh masyarakat yang sebelum ini agak jahil dengan konsep itu. Penerimaan yang semakin meluas itu sudah tentulah mempunyai kesan untuk mematahkan hujah yang sering dipertahankan oleh golongan relativis.

Bab 2 yang bertajuk "Kerja Lapangan dan Interpretasi" adalah sebahagian daripada terjemahan buku *Small Places, Large Issues: An Introduction to Social and Cultural Anthropology* (London: Pluto Press, 1995) yang sedang dilakukan oleh Profesor Dr. Mohamed Yusoff Ismail dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, dengan kebenaran dan kerjasama daripada

pengarang asal Profesor Thomas Hylland Eriksen, University of Oslo.